



**PANDUAN PENTAULIAHAN PROGRAM DAN PELAKSANAAN
LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI SISTEM PENTAULIAHAN DI
BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

PUSAT BERTAULIAH LUAR NEGARA

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

1 FEBRUARI 2016

KANDUNGAN

KANDUNGAN

| | | |
|-------|---|----|
| 1.0 | PENDAHULUAN..... | 4 |
| 2.0 | LATAR BELAKANG | 4 |
| 3.0 | TUJUAN..... | 5 |
| 4.0 | TAFSIRAN | 5 |
| 5.0 | SENARAI RINGKASAN | 6 |
| 6.0 | SYARAT PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI LUAR NEGARA..... | 7 |
| 6.1 | Syarat Permohonan Pentaauliahan PB tempatan..... | 7 |
| 6.2 | Syarat Penyedia Latihan Kemahiran Luar Negara | 8 |
| 6.2.1 | Pemilikan PLK Luar Negara..... | 8 |
| 6.2.2 | Premis Latihan..... | 8 |
| 6.2.3 | Program Latihan..... | 8 |
| 6.2.4 | Kurikulum Latihan..... | 9 |
| 6.2.5 | Kemudahan Fizikal..... | 10 |
| 6.2.6 | Personel Pentaauliahan..... | 10 |
| 7.0 | PROSEDUR PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI LUAR NEGARA..... | 13 |
| 7.1 | Permohonan Pentaauliahan Program..... | 13 |
| 7.2 | Permohonan Baharu Program Bertauliah..... | 14 |
| 7.3 | Permohonan Penambahan Program Bertauliah..... | 14 |
| 7.4 | Permohonan Pembaharuan Program Bertauliah..... | 14 |
| 7.5 | Permohonan Perubahan Program SKPK Jumud/Dikaji Semula bagi Program Bertauliah..... | 15 |
| 7.6 | Permohonan Pindaan Maklumat..... | 15 |
| 8.0 | TEMPOH LATIHAN..... | 16 |
| 9.0 | KELULUSAN PENTAULIAHAN..... | 18 |
| 10.0 | PENAMATAN PENTAULIAHAN PROGRAM..... | 19 |
| 11.0 | PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN SIJIL PENTAULIAHAN..... | 19 |
| 12.0 | PELAKSANAAN LATIHAN DI PB LUAR NEGARA..... | 19 |
| 12.1 | Kelayakan Pelatih..... | 20 |

| | |
|---|----|
| 12.2 Pendaftaran Pelatih Luar Negara..... | 20 |
| 12.3 Pelaksanaan Latihan..... | 20 |
| 12.4 Penilaian..... | 21 |
| 12.5 Permohonan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL)..... | 21 |
| 12.6 Persijilan..... | 21 |
| 13.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PB TEMPATAN..... | 21 |
| 14.0 LAWATAN PEMANTAUAN JAMINAN KUALITI..... | 24 |
| 15.0 LARANGAN KEPADA PB TEMPATAN DAN PB-LN..... | 24 |
| 16.0 INDEMNITI..... | 24 |
| 17.0 TARIKH KUAT KUASA..... | 25 |

SENARAI LAMPIRAN

| | |
|-------------------|---|
| Lampiran 1 | Senarai program SKPK yang tidak diboleh ditauliahkan dan dilaksanakan oleh PB-LN |
| Lampiran 2 | Borang Permohonan Pentauliahkan Pusat Bertauliah dan Program Kemahiran |
| Lampiran 3 | Senarai Semak Permohonan Pentauliahkan Program Di Pusat Bertauliah Luar Negara |
| Lampiran 4 | Bayaran Fi Dan Caj Bagi Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Di Peringkat Antarabangsa |
| Lampiran 5 | Surat Akujanji PB Tempatan dan PB Luar Negara |
| Lampiran 6 | Notis Penamatan Pentauliahkan Program |

1.0 PENDAHULUAN

Panduan Pentauliahan Program Dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Pentauliahan Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Pusat Bertauliah Luar Negara (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) bertujuan menetapkan syarat, prosedur dan kaedah pelaksanaan SPKM di luar negara. Panduan ini mengandungi syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) di bawah Seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah dibaca bersama dengan panduan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

- i. Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;
- ii. Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian;
- iii. Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Pentauliahan;
- iv. Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj); dan
- v. Mana-mana panduan dan peraturan lain yang berkaitan.

2.0 LATAR BELAKANG

Selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Vokasional di peringkat antarabangsa, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2 Disember 2005 telah meluluskan cadangan penawaran program latihan kemahiran di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ke Luar Negara oleh Pusat-Pusat Bertauliah JPK. Sejalan dengan matlamat Kerajaan ke arah mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) yang berkualiti, Kerajaan telah mensasarkan peningkatan bilangan pelatih antarabangsa bagi mengikuti latihan kemahiran di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Sehubungan itu, JPK memperluaskan pelaksanaan SPKM ke peringkat antarabangsa melalui program kerjasama antara PB tempatan dengan Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) luar negara. PLK luar negara yang memenuhi kriteria dan ditauliahkan akan dikenali sebagai PB Luar Negara (PB-LN). Walau bagaimanapun pelaksanaan ini tidak memberi jaminan pekerjaan di Malaysia.

PB tempatan adalah bertanggungjawab menyelaraskan, memantau dan mengawal selia PB-LN bagi memastikan SPKM dilaksanakan dengan jayanya.

3.0 TUJUAN

Panduan Pentauliah Program Dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Pentauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Pusat Bertauliah Luar Negara ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada PLK dan PB dalam melaksanakan program latihan kemahiran berasaskan SKPK kepada pelatih antarabangsa di luar negara.

4.0 TAFSIRAN

Dalam syarat dan panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“**Daftar Standard**” ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua Standard yang telah diluluskan oleh JPK;

“**KPPK**” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah seksyen 17 Akta 652;

“**PB tempatan**” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil dan bertanggungjawab menyelaraskan, memantau dan mengawal selia PB-LN bagi memastikan SPKM dilaksanakan dengan jayanya.

“**PB Luar Negara (PB-LN)**” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran di luar negara yang dikawal selia oleh PB tempatan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil.

“**pelatih**” ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan kemahiran;

“**pelatih antarabangsa**” ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan kemahiran bagi program antarabangsa;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“personel pentauliahan antarabangsa” ertinya PPB-LN, PPD-LN dan PP-LN yang berkelayakan dan diperakukan oleh JPK;

“program latihan” ertinya suatu kumpulan aktiviti latihan dan penilaian, dan hasil pembelajaran bagi suatu pekerjaan tertentu;

“program penuh” ertinya program latihan yang dijalankan bagi memenuhi kesemua CU di dalam SKPK berkaitan yang membawa kepada penganugerahan SKM/DKM/DLKM;

“pusat bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34;

“Standard” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652.

5.0 SENARAI RINGKASAN

| | |
|------|--------------------------------------|
| DKM | Diploma Kemahiran Malaysia |
| DLKM | Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia |
| JPK | Jabatan Pembangunan Kemahiran |
| KPPK | Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran |
| KSM | Kementerian Sumber Manusia |
| PB | Pusat Bertauliah |

| | |
|--------|---|
| PB-LN | Pusat Bertauliah Luar Negara |
| PLK | Penyedia Latihan Kemahiran |
| PP-LN | Pegawai Penilai Luar Negara |
| PPB-LN | Pengurus Pusat Bertauliah Luar Negara |
| PPD-LN | Pegawai Pengesah Dalaman Luar Negara |
| SKM | Sijil Kemahiran Malaysia |
| SPKM | Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia |
| SKPK | Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan |

6.0 SYARAT PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI LUAR NEGARA

Semua permohonan pentauliahan hendaklah dikemukakan oleh PB tempatan.

6.1 Syarat Permohonan Pentauliahan PB tempatan

PB tempatan yang ingin melaksanakan latihan kemahiran di luar negara hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- i. Telah mendapat pentauliahan program penuh dengan kelulusan penuh sekurang-kurangnya hingga ke Tahap 3;
- ii. Bagi mana-mana program yang tempoh pentauliahan berbaki sekurang-kurangnya enam (6) bulan, hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan pembaharuan pentauliahan program berkenaan;
- iii. Mendapat penarafan program sekurang-kurangnya tiga (3) bintang bagi program yang ditauliahkan di peringkat dalam negara bagi program yang dimohon;
- iv. Telah melaksanakan program yang ditauliahkan dengan jayanya di peringkat dalam negara bagi program yang dimohon;
- v. Mempunyai Unit Hal Ehwal Pelatih (HEP) untuk menguruskan hal ehwal latihan dan kebajikan pelatih di luar negara; dan
- vi. Mempunyai kerjasama dengan pusat latihan kemahiran di luar negara atau membuka pusat latihan kemahiran di luar negara yang memenuhi kriteria pentauliahan yang ditetapkan.

6.2 Syarat Penyedia Latihan Kemahiran Luar Negara

6.2.1 Pemilikan PLK Luar Negara

PLK luar negara hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Ditubuhkan dan didaftarkan secara sah mengikut undang-undang negara berkenaan; dan
- b. Mempunyai kerjasama dengan mana-mana PB tempatan bagi maksud persetujuan pelaksanaan SPKM di negara berkenaan atau dimiliki oleh PB tempatan.

6.2.2 Premis Latihan

PLK luar negara hendaklah memenuhi perkara berikut:

- a. Memiliki premis atau menyewa mana-mana premis dengan baki tempoh sewaan tidak kurang daripada satu (1) tahun;
- b. Mendapat kelulusan menjalankan latihan kemahiran daripada agensi perlesenan/penguatkuasa di negara berkaitan; dan
- c. Premis latihan hendaklah terletak di persekitaran yang kondusif, selamat dan sesuai berdasarkan bilangan pelatih, peralatan dan keluasan ruang untuk menjalankan latihan.

6.2.3 Program Latihan

PLK luar negara hendaklah memenuhi perkara berikut:

- a. Menjalinkan kerjasama dengan PB tempatan bagi setiap program yang dimohon;
- b. Dibenarkan untuk menjalinkan kerjasama dengan beberapa PB tempatan pada satu-satu masa bagi program yang berlainan; dan
- c. Program yang dimohon tersebut hendaklah telah ditauliahkan di PB tempatan oleh JPK;

6.2.4 Kurikulum Latihan

PLK luar negara hendaklah menyediakan kurikulum latihan berdasarkan SKPK dalam Bahasa Inggeris yang merangkumi perkara seperti Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Semak Dokumen Kurikulum Latihan Yang Perlu Dikemukakan Semasa Permohonan Pentauliahan

| Bil | Perkara | SKPK Format Baharu | SKPK Sedia Ada |
|-----|---|--------------------|----------------|
| 1. | Carta laluan latihan (<i>Training Pathway</i>) | ✓ | ✓ |
| 2. | Matriks SKPK | ✗ | ✓ |
| 3. | Pakej pembelajaran yang lengkap iaitu <i>Course of Study</i> atau <i>Learning Guide</i> atau apa-apa pakej pembelajaran yang memenuhi keperluan SKPK | ✗ | ✓ |
| 4. | Bahan pembelajaran bertulis (<i>Written Instruction Material</i>) bagi semua Unit Kompetensi (<i>Competency Unit-CU</i>) atau modul beserta jadual pembahagian WIM (JPW) | ✓ | ✓ |
| 5. | Dokumen penilaian teori dan amali untuk penilaian kerja kursus (<i>course work</i>) bagi semua Unit Kompetensi (<i>Competency Unit-CU</i>) atau modul dan soalan penilaian akhir | ✓ | ✓ |
| 6. | Bahan pembelajaran bertulis (<i>Written Instruction Material</i>) bagi semua modul NCS - <i>Core Abilities</i> | ✓ | ✓ |
| 7. | Maklumat pelaksanaan latihan: i. Pelan pelaksanaan latihan (Gantt Chart); ii. Jadual latihan mingguan sepanjang tempoh pelaksanaan program latihan mengikut jumlah jam latihan yang ditetapkan; dan iii. Jadual penilaian merangkumi penilaian berterusan dan peperiksaan akhir. | ✓ | ✓ |
| 8. | Silibus subjek tambahan bagi program DKM dan DLKM | ✓ | ✓ |

6.2.5 Kemudahan Fizikal

PLK luar negara hendaklah menyediakan kemudahan fizikal berdasarkan program yang dimohon seperti berikut:

6.2.5.1 Kemudahan Infrastruktur

PLK/PB hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur yang bersesuaian dan mencukupi bagi mewujudkan suasana latihan yang kondusif seperti bilik kuliah, bengkel latihan dan digalakkan mempunyai pusat sumber yang lengkap dengan kemudahan *Information and Communication Technology* (ICT).

6.2.5.2 Kelengkapan, peralatan dan bahan latihan

PLK luar negara hendaklah menyediakan kelengkapan, peralatan dan bahan latihan berdasarkan kehendak SKPK untuk sekurang-kurangnya 25 pelatih dan memastikan kelengkapan, peralatan latihan dan mesin berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan.

6.2.6 Personel Pentauliahan

a. Pengurus Pusat Bertauliah Luar Negara (PPB-LN)

Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) adalah ketua kepada PLK/PB atau personel yang diberi tanggungjawab untuk mengurus pelaksanaan SPKM.

Kriteria

- i. Berkhidmat di sebuah PB-LN sahaja; dan
- ii. Lulus Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPD-PPB SPKM

Peranan dan tanggungjawab

- i. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran di luar negara berdasarkan keperluan SPKM;
- ii. Bertanggungjawab dalam mematuhi apa-apa peraturan dan arahan JPK berkaitan SPKM;
- iii. Memastikan semua program yang ditawarkan memenuhi keperluan Standard terkini;

- iv. Melantik sekurang-kurang seorang PPD-LN dalam sub sektor yang berkaitan pada satu-satu masa sahaja;
- v. Melantik sekurang-kurangnya seorang PP-LN bagi setiap program dan tahap pada satu-satu masa sahaja;
- vi. Memastikan nisbah PP-LN kepada pelatih tidak melebihi 1:25 bagi setiap kumpulan pengambilan (*batch*) yang sama;
- vii. Memastikan personel pentauliahan yang dilantik adalah sama sebagaimana rekod pentauliahan JPK;
- viii. Memastikan semua personel pentauliahan mendapat Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP) bagi program berkaitan;
- ix. Memastikan sebarang perubahan personel pentauliahan dimaklumkan kepada JPK melalui PB dengan mengemukakan maklumat personel berserta dokumen sokongan dengan kadar segera;
- x. Mematuhi arahan JPK untuk memperbaiki sebarang kekurangan atau ketidaksesuaian dalam hal-hal berkaitan kemudahan, peralatan, kaedah latihan dan penilaian bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan SPKM;
- xi. Memastikan premis, peralatan, kelengkapan dan bahan latihan mematuhi kehendak badan perlesenan atau agensi penguatkuasa jika berkaitan;
- xii. Menyatakan struktur yuran latihan yang jelas kepada pelatih;
- xiii. Mengambil tindakan susulan terhadap komen dan cadangan penambahbaikan berterusan;
- xiv. Mempamerkan di papan kenyataan atau lain-lain tempat yang mudah dilihat oleh orang awam bagi perkara berikut:
 - (a) Sijil pentauliahan; dan
 - (b) Carta organisasi personel pentauliahan bagi program bertauliah.

b. Pegawai Pengesah Dalaman Luar Negara (PPD-LN)

Kriteria

- i. Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;
- ii. Berkhidmat di sebuah PB-LN sahaja;
- iii. Lulus Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPD-PPB SPKM; dan
- iv. Mempunyai sijil kelayakan kemahiran pada tahap lebih tinggi atau setara dalam sub sektor berkaitan yang diiktiraf di negara berkenaan.

Peranan dan tanggungjawab

- i. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran di dalam kelompok sektor kemahirannya;
- ii. Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di PB-LN;
- iii. Mengawal dan memantau sistem jaminan kualiti latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak Standard terkini; dan
- iv. Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut Standard dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh JPK.

c. Pegawai Penilai Luar Negara (PP-LN)

Kriteria

- i. Mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang berkaitan;
- ii. Berkhidmat di satu PB-LN sahaja;
- iii. Lulus Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPD-PPB SPKM;
- iv. Mempunyai sijil teknik mengajar dalam latihan vokasional yang diiktiraf oleh negara berkaitan;
- v. Mempunyai sijil kelayakan kemahiran pada tahap lebih tinggi atau setara dalam program berkaitan yang diiktiraf di negara berkenaan.

* Bagi perkara 6.2.5 (c)(v), PB tempatan hendaklah mengemukakan hasil pemetaan sijil kelayakan kemahiran negara berkenaan dengan SKPK beserta dokumen sokongan. Sijil kelayakan kemahiran tersebut hendaklah disahkan oleh agensi yang mengeluarkan sijil berkenaan.

Peranan dan tanggungjawab

- i. Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPD-LN;
- ii. Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan Standard terkini;
- iii. Melaksanakan proses latihan dan penilaian dengan kebolehpercayaan, telus dan sah;
- iv. Membimbing pelatih dalam penyediaan rekod bukti keterampilan;
- v. Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan; dan
- vi. Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan.

7.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI LUAR NEGARA

Permohonan pentauliahan program kemahiran hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya sehingga tahap 3 berdasarkan daftar SKPK yang sedang berkuatkuasa. Senarai program yang tidak diboleh ditauliahkan dan dilaksanakan oleh PB-LN adalah seperti di Lampiran 1.

7.1 Permohonan Pentauliahan Program

- a. PB-LN melalui PB tempatan hendaklah mengemukakan permohonan dengan menyertakan perkara berikut:
 - i. Borang Permohonan Pentauliahan Pusat Bertauliah Luar Negara seperti Lampiran 2 yang telah lengkap diisi;
 - ii. Surat iringan;
 - iii. Sijil Pentauliahan program PB tempatan yang masih sah;
 - iv. Dokumen sokongan seperti senarai semak di Lampiran 3;
 - v. Borang permohonan, surat iringan dan dokumen sokongan perlu dikemukakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja;
 - vi. Bayaran fi yang ditetapkan mengikut Peraturan Fi dan Caj atau apa-apa peraturan yang sedang berkuatkuasa. Bayaran seperti Lampiran 4 hendaklah dibuat dalam bentuk deraf bank, kiriman wang atau pesanan tempatan (LO) atas nama 'Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran'.
- b. PB tempatan dan PLK luar negara hendaklah membuat pembentangan permohonan sekiranya diperlukan mengikut format bagi perkara seperti Lampiran 3;
- c. JPK boleh pada bila-bila masa yang munasabah memeriksa premis PLK bagi menentusahkan kesahihan permohonan;
- d. KPPK boleh pada bila-bila masa, selepas menerima permohonan Pentauliahan Program PB-LN, meminta PB tempatan mengemukakan dokumen atau maklumat tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya dokumen atau maklumat tambahan gagal dikemukakan, permohonan tersebut dianggap terbatal;
- f. PB tempatan dan PB-LN hendaklah menandatangani surat akujanji PB tempatan dan PB luar negara seperti Lampiran 5 dan mengemukakan kepada JPK untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa tindakan perundangan di bawah Akta 652 atau peraturan dan undang-undang negara PB LN; dan

- g. PB hendaklah menjelaskan pembayaran yang ditetapkan Jabatan bagi tujuan penganjuran Kursus Induksi Pentauliah PP-PPD-PPB yang akan dilaksanakan serentak dengan lawatan penilaian pentauliah program.

7.2 Permohonan Baharu Program Bertauliah

- a. PB-LN hendaklah mengemukakan permohonan pentauliah program baharu kepada JPK melalui PB tempatan dengan menyertakan dokumen seperti senarai semak di Lampiran 3; dan
- b. Permohonan baharu program bertauliah hendaklah merujuk kepada program-program yang terdapat dalam Daftar SKPK yang sedang berkuatkuasa.

7.3 Permohonan Penambahan Program Bertauliah

PB-LN hendaklah mengemukakan permohonan penambahan program bertauliah kepada JPK melalui PB tempatan dengan menyertakan dokumen seperti senarai semak di Lampiran 3.

7.4 Permohonan Pembaharuan Program Bertauliah

- a. PB-LN melalui PB hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliah ke JPK sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dan tidak melebihi enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pentauliah berkenaan dengan menyertakan dokumen seperti senarai semak di Lampiran 3;
- b. PB-LN yang gagal mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliah dianggap terbatal pentauliahannya;
- c. PB-LN yang telah tamat pentauliah atas apa-apa sebab tetapi masih berminat melaksanakan latihan hendaklah mengemukakan permohonan baharu; dan
- d. PB-LN yang tidak diluluskan pembaharuan pentauliah atau ditamatkan pentauliah hendaklah bertanggungjawab menyelesaikan segala urusan latihan dan penilaian pelatih sedia ada.

7.5 Permohonan Perubahan Program SKPK Jumud / Dikaji Semula bagi Program Bertauliah

- a. PB-LN melalui PB tempatan hendaklah mengemukakan permohonan pentauliahkan perubahan program SKPK jumud / dikaji semula kepada JPK dalam tempoh enam (6) hingga 12 bulan setelah SKPK baharu dikuatkuasakan dengan menyertakan dokumen seperti senarai semak di Lampiran 3;
- b. PB-LN yang telah diluluskan dengan program SKPK baharu, pentauliahkan program SKPK sedia ada hanya sah bagi tujuan menyelesaikan latihan pelatih sedia ada;
- c. PB tempatan dan PB-LN hendaklah bertanggungjawab menyelesaikan segala urusan latihan dan penilaian pelatih bagi program SKPK sedia ada; dan
- d. Pengambilan pelatih baharu hendaklah didaftarkan menggunakan program SKPK yang baharu.

7.6 Permohonan Pindaan Maklumat

PB-LN melalui PB tempatan hendaklah mengemukakan permohonan pindaan maklumat seperti berikut dengan menyertakan dokumen seperti senarai semak di Lampiran 3.

7.6.1 Pindaan Nama Pusat Bertauliah

Pindaan nama PB-LN hendaklah mempunyai justifikasi yang kukuh.

7.6.2 Pindaan Premis Pusat Bertauliah

- (a) Pindah premis/alamat

PB-LN melalui PB tempatan yang ingin memohon pindah premis/alamat hendaklah:

- i. Bertanggungjawab terhadap segala urusan latihan dan persijilan pelatih sedia ada;
- ii. Melengkapkan semua peralatan latihan di premis baharu berdasarkan keperluan SKPK; dan
- iii. Memastikan tiada pengambilan pelatih baharu dibuat sehingga permohonan diluluskan.

(b) Tambah Premis

PB-LN yang ingin memohon premis tambahan hendaklah:

- i. Memiliki premis atau menyewa mana-mana premis dengan baki tempoh sewaan tidak kurang daripada satu (1) tahun; dan
- ii. Mendapat kelulusan menjalankan latihan kemahiran daripada agensi perlesenan/penguatkuasa di negara berkaitan.

(c) Pindaan Personel Pentauliahan

PB-LN melalui PB tempatan hendaklah mengemukakan pindaan personel pentauliahan sekiranya ada pertukaran PPB-LN, PPD-LN dan PP-LN.

8.0 TEMPOH LATIHAN

8.1 PB-LN hendaklah mematuhi tempoh latihan minimum yang ditetapkan seperti Jadual 2 dan 3 serta tertakluk kepada perkara berikut:

- a. Bagi mana-mana tempoh pembelajaran dalam SKPK format baharu yang berada dalam julat minimum dan maksimum, latihan hendaklah mengikut tempoh yang dinyatakan dalam SKPK;
- b. Bagi tempoh pembelajaran dalam SKPK format baharu yang lebih rendah daripada ketetapan tempoh latihan minimum hendaklah mengikut tempoh latihan minimum; atau
- c. Bagi tempoh pembelajaran dalam SKPK format baharu yang lebih tinggi daripada ketetapan tempoh latihan maksimum hendaklah mengikut tempoh latihan maksimum.

Jadual 2: Tempoh Latihan bagi Program Mengikut Tahap

| Tahap | Tempoh Latihan (Jam) |
|--|--|
| L1 sahaja | 400 ~ 600 |
| L2 sahaja | 400~ 600 |
| L3 sahaja | 800 ~ 1200 |
| L2 (bagi SKPK yang bermula dengan Tahap 2) | 800 ~ 1200 |
| L3 (bagi SKPK yang bermula dengan Tahap 3) | 1600 ~ 2400 |
| DKM sahaja | 800 ~ 1200 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri |
| DKM (bagi SKPK yang bermula dengan Tahap 4) | 2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri |
| DLKM sahaja | 1200 ~ 1800 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri |
| DLKM (bagi SKPK yang bermula dengan Tahap 5) | 3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri |

Jadual 3: Tempoh Latihan bagi Program Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*)

| Kumpulan Program Bertauliah | Tahap Persijilan | Tempoh Latihan (Jam) |
|---------------------------------------|---|--|
| Persijilan tahap tunggal SKM 3 | | |
| A1 | Tahap 1, 2 & 3 | 1600 ~ 2400 |
| A2 | Tahap 2 & 3 (SKPK yang bermula dengan Tahap 2) | 1600 ~ 2400 |
| Persijilan tahap tunggal DKM | | |
| B1 | Tahap 1, 2, 3 & 4 | 2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri |
| B2 | Tahap 2, 3 & 4 (SKPK yang bermula dengan tahap 2) | 2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri |
| B3 (a) | Tahap 3 & 4 (SKPK yang | 1600 ~ 2400 (merangkumi Projek |

| | | |
|--------------------------------------|--|--|
| | mempunyai Tahap 1 atau 2) | Akhir) + 3 bulan Latihan Industri |
| B3 (b) | Tahap 3 & 4 (SKPK yang bermula Tahap 3) | 2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri |
| Persijilan tahap tunggal DLKM | | |
| C1 (a) | Tahap 3, 4 & 5 (SKPK yang bermula Tahap 1 atau 2) | 2800 ~ 4200 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri |
| C1 (b) | Tahap 3, 4 & 5 (SKPK yang bermula dengan Tahap 3) | 3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri |
| C2 (a) | Tahap 4 & 5 (SKPK yang bermula dengan Tahap 1 atau 2 atau 3) | 2000 ~ 3000 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri |
| C2 (b) | Tahap 4 & 5 (SKPK yang bermula dengan Tahap 4) | 3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri |

8.2 Bagi mana-mana SKPK yang tidak memenuhi jumlah jam minimum, PLK/PB hendaklah mengambil mana-mana CU dari mana-mana SKPK yang berkaitan supaya program latihan tersebut mencapai jumlah jam minimum yang ditetapkan.

9.0 KELULUSAN PENTAULIAHAN

- i. Selepas menilai dan menimbang sesuatu permohonan mengikut program, KPPK boleh meluluskan permohonan dan mengeluarkan sijil pentauliahan atau surat kelulusan berdasarkan program yang dimohon kepada PB tempatan dan PB-LN dengan menyatakan tempoh pentauliahan atau menolak permohonan dengan menyatakan sebab-sebab penolakan;
- ii. PB tempatan dan PB-LN hendaklah sentiasa mematuhi syarat-syarat pentauliahan yang ditetapkan oleh JPK;
- iii. Tempoh pentauliahan adalah tiga (3) tahun;
- iv. KPPK boleh, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan pentauliahan yang diberikan kepada mana-mana PB tempatan dan PB-LN berdasarkan Seksyen 29, Akta 652.

10.0 PENAMATAN PENTAULIAHAN PROGRAM

- a. PB-LN melalui PB tempatan yang ingin menamatkan pentauliahan program hendaklah:
 - i. Mengemukakan notis penamatan pentauliahan program seperti di Lampiran 6;
 - ii. Telah menyelesaikan segala urusan latihan dan persijilan pelatih yang telah berdaftar di PB-LN; dan
 - iii. Mengembalikan sijil pentauliahan asal kepada KPPK.
- b. Sekiranya mana-mana pihak ingin menarik diri dari kerjasama ini, PB tempatan hendaklah mengemukakan notis penamatan pentauliahan program kepada JPK dan perlu bertanggungjawab menyelesaikan segala urusan latihan dan persijilan pelatih yang telah berdaftar di PB-LN;
- c. Surat penamatan pentauliahan hanya dikeluarkan setelah PB tempatan menyelesaikan perkara (a) atau (b) di atas; dan
- d. Sekiranya PB tempatan menamatkan operasinya, pentauliahan PB-LN juga akan terbatal.

11.0 PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN SIJIL PENTAULIAHAN

- a. KPPK boleh pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan sijil pentauliahan yang telah dianugerahkan kepada PB tempatan, PB-LN atau kedua-duanya sekali jika PB tempatan atau PB-LN didapati:
 - i. melanggar mana-mana syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh JPK atau peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara berkenaan; atau
 - ii. melanggar mana-mana larangan di dalam peraturan ini atau Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Program Pusat Bertauliah di bawah SPKM.
- b. PB tempatan dan PB-LN hendaklah mengembalikan sijil pentauliahan sekiranya berlakunya pembatalan pentauliahan.

12.0 PELAKSANAAN LATIHAN DI PB LUAR NEGARA

Kriteria pelaksanaan program latihan di luar negara adalah seperti berikut:

12.1 Kelayakan Pelatih

PB-LN hendaklah memastikan bahawa pelatih-pelatih tersebut memenuhi kelayakan seperti berikut:

- a. Boleh membaca, menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris; dan
- b. Memenuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh PB-LN dan pihak berkuasa berkaitan di negara berkenaan.

12.2 Pendaftaran Pelatih Luar Negara

PB-LN melalui PB tempatan hendaklah bertanggungjawab memastikan:

- a. Urusan pendaftaran beserta bayaran fi pelatih luar negara dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula latihan;
- b. Menjelaskan fi pendaftaran dan pengeluaran sijil seperti yang dinyatakan dalam peraturan fi dan caj yang sedang berkuatkuasa. Bayaran hendaklah dalam bentuk deraf bank, kiriman wang atau pesanan tempatan (LO) atas nama 'Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran'. Sebarang pembayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan; dan
- c. Pelatih tidak dibenarkan membuat sebarang pertukaran program setelah pendaftaran dibuat.

12.3 Pelaksanaan Latihan

PB tempatan hendaklah memastikan PB-LN melaksanakan latihan berlandaskan pada perkara-perkara berikut:

- a. Latihan hendaklah dijalankan mengikut kelulusan yang telah diberikan oleh JPK;
- b. Menepati jadual pelaksanaan latihan yang dirancang merangkumi:
 - i. Tarikh mula dan tamat latihan;
 - ii. Kaedah latihan;
 - iii. Kaedah penilaian; dan
 - iv. Latihan Industri.
- c. Bahan pengajaran dan penilaian disediakan dalam Bahasa Inggeris; dan
- d. Mematuhi semua peraturan dan panduan yang sedang berkuatkuasa.

12.4 Penilaian

PB tempatan hendaklah memastikan PB-LN melaksanakan semua penilaian dengan mematuhi peraturan penilaian yang ditetapkan di dalam Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa.

12.5 Permohonan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL)

- a. PB-LN melalui PB tempatan hendaklah mengemukakan permohonan lawatan verifikasi PPL dalam tempoh 60 hari sebelum penilaian akhir.
- b. PB tempatan hendaklah membuat pembayaran mengikut peraturan fi dan caj yang sedang berkuatkuasa bagi tujuan verifikasi PPL. Bayaran hendaklah dikemukakan semasa permohonan lawatan verifikasi penilaian pelatih.
- c. PB tempatan hendaklah memastikan PB-LN bertanggungjawab untuk:
 - i. mencetak set soalan penilaian akhir;
 - ii. melantik pengawas dan pemeriksa dari kalangan PP-LN dan PPD-LN; dan
 - iii. mengemaskini keputusan penilaian akhir dan menyerahkan kepada PPL untuk disahkan bagi tujuan pengeluaran sijil.

12.6 Persijilan

- a. PB-LN melalui PB Tempatan bertanggungjawab mengemukakan permohonan pengeluaran sijil kepada JPK dalam tempoh 15 hari selepas tarikh penilaian akhir.
- b. Penganugerahan sijil adalah berdasarkan kepada Panduan Dan Peraturan-Peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia-Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa.

13.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PB TEMPATAN

13.1 PB tempatan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan urusan pentauliahan dan pelaksanaan program latihan di luar negara mematuhi Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Program Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang sedang berkuatkuasa;

- ii. Memastikan personel pentauliah PB-LN menghadiri kursus induksi pentauliah PP-PPD-PPB dan lulus penilaian yang ditetapkan oleh JPK;
- iii. Mendaftarkan personel pentauliah PB-LN secara atas talian setelah PLK luar negara mendapat pentauliah program;
- iv. Menyediakan pegawai penyelaras bagi urusan antara JPK, PB tempatan dan PB-LN;
- v. Memastikan personel pentauliah luar negara mencukupi dan berkelayakan bagi setiap program yang dilaksanakan;
- vi. Membuat pendaftaran pelatih secara atas talian selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh pelatih mendaftar di PB-LN;
- vii. Mematuhi syarat-syarat di negara berkaitan untuk melaksanakan program latihan kemahiran;
- viii. Mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap latihan pelatih PB-LN apabila berlaku penamatan dan penggantungan pentauliah oleh JPK atau PB-LN menarik diri;
- ix. Memastikan PP-LN memiliki kemahiran yang setara dengan SKPK program yang dimohon;
- x. Mengemukakan rekod kehadiran latihan pelatih kepada JPK pada bila-bila masa yang diperlukan;
- xi. Memastikan kebajikan dan keselamatan pelatih sepanjang tempoh latihan; dan
- xii. Menubuhkan Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB);

Tanggungjawab PPPB

- a. Merangka prosedur penilaian dalaman;
- b. Memastikan dokumentasi penilaian yang seragam;
- c. Meluluskan kandungan dokumen pembelajaran dan penilaian;
- d. Meluluskan kaedah penilaian;
- e. Mengawasi & memastikan kesahihan pelaksanaan penilaian;
- f. Memantau sistem jaminan mutu;
- g. Mengadakan mesyuarat panel penilaian sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun;
- h. Menyediakan minit mesyuarat panel penilaian untuk verifikasi PPL; dan
- i. Merekodkan minit mesyuarat semasa lawatan PPL.

Keahlian

- a. Pengurus Pusat Bertauliah (PPB);
 - b. Pegawai Pengesah Dalaman (PPD); dan
 - c. Pegawai Penilai (PP) sebagai ahli sementara.
- xiii. Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee- TAC*) mengikut sektor program.

Tanggungjawab TAC

- a. Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada PB mengenai latihan kemahiran dalam sektor program yang berkaitan; dan
- b. Mengesahkan soalan-soalan yang digubal oleh PB termasuk kertas soalan Peperiksaan Akhir.

Keahlian TAC

- a. Sekurang-kurangnya seorang wakil industri bagi setiap bidang dan dilantik sebagai pengerusi. Wakil industri ini adalah mereka yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang tersebut.
- b. PPB sebagai setiausaha; dan
- c. Sekurang-kurangnya seorang PPD bagi setiap bidang sebagai ahli.

13.2 PB-LN hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- a. mematuhi peraturan dan syarat SPKM yang ditetapkan;
- b. mematuhi syarat-syarat di negara berkaitan untuk melaksanakan program latihan kemahiran;
- c. memastikan personel pentauliahan mencukupi dan berkeelayakan bagi setiap program yang dilaksanakan;
- d. memastikan pendaftaran pelatih secara atas talian dibuat selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh pelatih mendaftar di PB-LN;
- e. mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap latihan dan penilaian pelatih;
- f. memastikan bahan pembelajaran dan penilaian yang lengkap disediakan;
- g. memastikan PP-LN memiliki kemahiran yang setara dengan SKPK program yang dimohon;
- h. mengemaskini semua maklumat berkaitan SPKM sekiranya terdapat sebarang pindaan;
- i. memastikan sistem jaminan kualiti yang ditetapkan oleh JPK dipatuhi.

14.0 LAWATAN PEMANTAUAN JAMINAN KUALITI

JPK boleh pada bila-bila masa boleh mengadakan lawatan pemeriksaan atau pemantauan ke premis PB-LN bagi memastikan pematuhan pelaksanaan dan jaminan kualiti SPKM.

15.0 LARANGAN KEPADA PB TEMPATAN DAN PB-LN

PB tempatan dan PB-LN adalah dilarang melakukan mana-mana perkara berikut:

- a. Sebarang tindakan yang boleh diertikan sebagai mencemar imej SPKM dan negara;
- b. Menghalang mana-mana pelatih daripada berhenti mengikuti latihan kecuali atas kerelaan pelatih;
- c. Menghalang pelatih mendapatkan apa-apa dokumen atau bukti ketrampilan bagi tujuan pembangunan portfolio dan persijilan pelatih;
 - i. Mempamer atau menyiarkan sebarang iklan atau publisiti berkaitan pentauliahan yang kurang tepat atau mengelirukan dalam mana-mana media cetak/ elektronik;
 - ii. Melaksanakan latihan di premis yang belum mendapat kelulusan
 - iii. pentauliahan JPK;
 - iv. Membuat pengambilan pelatih melebihi kapasiti yang diluluskan;
 - v. Melaksanakan latihan tidak mengikut tempoh yang telah ditetapkan;
 - vi. Mengemukakan maklumat palsu kepada JPK bagi tujuan pentauliahan dan pelaksanaan SPKM.

16.0 INDEMNITI

Dengan kelulusan pentauliahan ini, PB tempatan adalah bertanggungjawab penuh terhadap PB-LN dan Kerajaan Malaysia tidak boleh disabitkan dengan sebarang tindakan undang-undang di atas sebarang tuntutan gantirugi oleh individu, organisasi atau kerajaan asing sekiranya PB tempatan atau PB-LN didapati melanggar mana-mana peraturan, undang-undang dalam dan luar negara atau perjanjian yang telah dimeterai.

17.0 TARIKH KUAT KUASA

Panduan pelaksanaan dan syarat pentauliahan ini mula berkuat kuasa pada **1 Februari 2016**. Dengan berkuat kuasa panduan ini, Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Penyedia Latihan Di Luar Negara Bagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bertarikh 25 April 2013 adalah **DIBATALKAN**.

**KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

1 Februari 2016

Jadual 1: Senarai program SKPK yang tidak diboleh ditauliahkan dan dilaksanakan oleh PB-LN

| Bil | Nama Program / Kod Program |
|------------|--|
| 1. | Pegawai Latihan Vokasional (I-031-3) / Operasi Latihan Vokasional (I-031-3:2013) |
| 2. | Pemandu Pelancong (HT-023-3:2012) |
| 3. | Pemandu Pelancong Alam Semulajadi (HT-026-3:2013) |
| 4. | Mana-mana program SKPK yang disenaraikan tidak boleh ditauliahkan dan dilaksanakan oleh PB-LN dari semasa ke semasa. |

**PERMOHONAN PENTAULIAHAN PUSAT BERTAULIAH LUAR NEGARA
PROFIL PUSAT BERTAULIAH**

(UNTUK DIISI OLEH KETUA EKSEKUTIF PUSAT BERTAULIAH JPK)

- PERMOHONAN BAHARU
- PERMOHONAN PEMBAHARUAN PROGRAM
- PERMOHONAN PENAMBAHAN PROGRAM

BAHAGIAN A: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

| Maklumat Pusat Bertauliah | |
|---|---|
| 1. Nama Pusat Bertauliah (PB) : | |
| Kod Pusat Bertauliah : | |
| 2. Alamat Pusat Bertauliah | 3. Alamat Surat-Menyurat |
| <input style="width: 100%; height: 60px;" type="text"/> | <input style="width: 100%; height: 60px;" type="text"/> |
| 4. No. Telefon: | 5. No. Faks : |
| 6. E-mail : | 7. Laman web : |
| 8. Nama Pengurus Pusat Bertauliah : | 9. No. K/P : |
| Perakuan Pendaftaran | |
| 10. No. Perakuan Pendaftaran Syarikat : | |
| 11. Tarikh Tamat Tempoh Pendaftaran : | |

Butir-butir Ketua Eksekutif

15. Nama :

.....

16. No. Kad
Pengenalan /
Pasport :

.....

17. Kelayakan
Akademik
/Profesional :

.....

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN KEMAHIRAN (PLK) LUAR NEGARA

(Sila sertakan gambar-gambar berwarna sebagai dokumen sokongan)

Butiran PLK

1. Nama PLK :

.....

2. Alamat PLK :

.....

.....

3. Jenis Institusi :

Kampus

Kompleks Pejabat

Kompleks Membeli Belah

Rumah

Rumah Kedai

Lain-lain

Nyatakan :

4. Hakmilik Institusi

Sendiri

Disewa

Tempoh Sewaan:

.....

BAHAGIAN C: KEMUDAHAN

(Sila sertakan gambar-gambar berwarna sebagai dokumen sokongan)

| Kemudahan Penginapan | | | | |
|--|--------------------------|--------------------------|----------|---------|
| | Ada | Tiada | Kapasiti | Catatan |
| 1. Asrama : | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | | |
| 2. Rumah Sewa / apartment / kondo di bawah seliaan Pusat Bertauliah : | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | | |
| 3. Alamat tempat penginapan : | | | | |

| Kemudahan Fizikal | | | |
|-------------------------------|--------------------------|--------------------------|---------|
| | Ada | Tiada | Catatan |
| 1. Bilik kuliah | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 2. Perpustakaan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 3. Makmal Komputer | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 4. Bengkel | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 5. Gelanggang sukan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 6. Padang | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 7. Gimnasium | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 8. Dewan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 9. Surau | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 10. Kafeteria | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 11. Pejabat pengajar | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 12. Lain-lain (Nyatakan) : | | | |

Kemudahan Pengangkutan

| | Ada | Tiada | Catatan |
|-----------------------------------|--------------------------|--------------------------|---------|
| 13. Disediakan oleh Pusat Latihan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |

Kemudahan untuk Pelatih Antarabangsa

| | Ada | Tiada | Catatan |
|--|---------------------------------|-----------------------------------|------------------|
| 14. Pejabat / Unit Hal Ehwal Kebajikan Pelatih Antarabangsa (HEPA) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | |
| 15. Maklumat pengurus / Unit HEPA | | | |
| (i) Nama | : | | |
| (ii) No. Kad Pengenalan / Pasport | : | | |
| (iii) Kewarganegaraan | : | | |
| (iv) Kelayakan Akademik/ Professional | : | | |
| (v) Pengalaman Dalam Bidang Pendidikan/ Latihan | : | | |
| 16. Insuran Perlindungan Pelatih | Ada <input type="checkbox"/> | Tiada <input type="checkbox"/> | Catatan |

BAHAGIAN D: PROGRAM KEMAHIRAN. KEMUDAHAN LATIHAN DAN PERSONEL PENTAULIAHAN

1. Senarai Program Kemahiran yang dipohon

| Bil. | Kod dan nama program (mengikut NOSS) | Tempoh latihan (bil jam) | Jadual latihan (sertakan lampiran) | Kapasiti maksimum pelatih (jumlah) | Sukatan/Silibus latihan | | Catatan |
|-------------|---|-------------------------------------|---|---|--|--|----------------|
| | | | | | Bahan Pembelajaran (LG/CoS) (sertakan lampiran) | Bahan penilaian teori & praktikal (sertakan lampiran) | |
| | | | | | | | |

2. Maklumat kemudahan latihan (fizikal dan peralatan)

| Kod dan nama program (mengikut NOSS) | Senarai/Inventori peralatan latihan disediakan | Lakaran susun atur bilik kuliah/bengkel/makmal (sertakan lampiran) | Bilangan bilik kuliah/ bengkel/ peralatan/ mesin. |
|---|---|---|--|
| | | | |

3. Maklumat personel berdasarkan program

| Bil | Kod dan Nama Program | Nama Personel | Jawatan (PP-LN / PPD-LN / PPB-LN) | Tempoh pengalaman bekerja/mengajar dalam bidang berkaitan | Sijil Teknik Mengajar yang dimiliki | Sijil Kelayakan Kemahiran yang dimiliki |
|------------|-----------------------------|----------------------|--|--|--|--|
| | | | | | | |

BAHAGIAN E: PENGAKUAN PEMOHON OLEH PB TEMPATAN DAN PLK-LN

SayaNo. Kad Pengenalan.....
(Nama PPB)

bagi pihak Pusat Bertauliah.....

dengan ini mengaku bahawa:-

- (i) Semua keterangan yang diberikan dalam permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar;
- (ii) Pihak Pusat Bertauliah tempatan akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala urusan yang berkaitan dengan pusat bertauliah luar negara termasuk apa jua urusan yang mempunyai implikasi undang-undang;
- (iii) Pihak Pusat Bertauliah tempatan akan patuh kepada mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam panduan pentauliah dan pelaksanaan latihan kemahiran di bawah SPKM yang sedang berkuatkuasa;
- (iv) Sebarang tuntutan atau tindakan mahkamah ke atas Kerajaan yang disebabkan oleh kecuai PB-LN akan ditanggung sepenuhnya oleh PB tempatan; dan
- (v) Sebarang bayaran fi proses yang telah dikemukakan tidak akan dikembalikan.

Tarikh:.....

.....

(Tandatangan)

Nama:.....

(PB Tempatan)

Jawatan:.....

Cop rasmi

Tarikh:.....

.....

(Tandatangan)

Nama:.....

(PLK-LN)

Jawatan:.....

Cop rasmi

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM DI PUSAT
BERTAULIAH LUAR NEGARA**

| Senarai Dokumen Lampiran Yang Perlu Dikemukakan | | |
|---|-----------|-----|
| Pemohon mesti mengemukakan dokumen seperti di bawah: | Semakan | |
| | PLK/PB-LN | JPK |
| 1. Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan surat permohonan rasmi dari PB tempatan | | |
| 2. Bayaran dalam bentuk bank deraf atau Kiriman Wang atas nama Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran mengikut kadar fi dan caj berkuatkuasa. | | |
| 3. Laporan penyata kewangan yang telah diaudit untuk tiga (3) tahun terakhir bagi PB tempatan | | |
| 4. Salinan kad pengenalan pemohon/penyelaras/pegawai bertanggungjawab | | |
| 5. Salinan sijil akuan pentaualiahan dalam negara yang masih sah laku | | |
| 6. Pemilikan penyedia latihan kemahiran : Salinan sijil pendaftaran syarikat/pertubuhan/pusat latihan awam, beserta "Form 24 Companies Act 1965" yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional | | |
| 7. <u>PLK Luar Negara</u> : a. Profil lengkap PLK Luar Negara b. Surat kelulusan pihak berkuasa negara sumber untuk melaksanakan program latihan kemahiran c. Salinan MOA/MOU/Dokumen persetujuan di antara PB tempatan dan PLK Luar Negara d. Lain-lain dokumen sokongan berkaitan | | |
| 8. <u>Premis latihan PLK Luar Negara</u> : a. Salinan dokumen kelulusan premis oleh pihak berkuasa tempatan b. Salinan maklumat pemilikan premis atau salinan perjanjian sewaan jika premis tersebut disewa c. Peta lantai premis dan peta lokasi premis | | |

| Senarai Dokumen Lampiran Yang Perlu Dikemukakan | | |
|---|---|--------------------------------------|
| Pemohon mesti mengemukakan dokumen seperti di bawah: | Semakan | |
| | PLK/PB-LN | JPK |
| <p>9. <u>Personel pentauliahan PLK Luar Negara :</u></p> <p>a. Salinan surat lantikan dan penerimaan lantikan sebagai Pengurus Pusat Bertauliah Luar Negara (PPB-LN), Pegawai Pengesah Dalaman Luar Negara (PPD-LN) dan Pegawai Penilai Luar Negara (PP-LN) atau tenaga pengajar</p> <p>b. Salinan sijil kursus induksi pentauliahan untuk setiap personel Pengurus Pusat Bertauliah Luar Negara (PPB-LN), Pegawai Pengesah Dalaman Luar Negara (PPD-LN) dan Pegawai Penilai Luar Negara (PP-LN)</p> <p>c. Salinan sijil SKM / akademik (bagi Tahap 4 & 5) bagi setiap PPD dan PP.</p> <p>d. Salinan sijil teknik mengajar dalam latihan vokasional bagi PP</p> <p>e. Carta organisasi Pentauliahan (PP, PPD dan PPB)</p> | | |
| <p>10. <u>Pakej pembelajaran :</u></p> <p>a. <i>NOSS Matrix</i> dan <i>Training Pathway</i> untuk NCS - <i>Core Abilities</i> (Mengikut Program yang dimohon)</p> <p>b. Satu contoh modul lengkap <i>Course of Study (COS)</i> atau <i>Learning Guide (LG)</i> beserta dokumen penilaian teori dan amali.</p> <p>c. Jadual perancangan pelaksanaan latihan yang lengkap</p> | | |
| <p>11. <u>Kemudahan fizikal :</u></p> <p>a. Senarai inventori peralatan dan kemudahan latihan utama</p> <p>b. Salinan lesen penggunaan peralatan atau perisian dari pihak/agensi penguatkuasa berkaitan (jika berkenaan)</p> <p>c. Salinan MOU/MOA atau apa-apa dokumen yang berkaitan dengan lain-lain agensi/ syarikat (jika berkenaan)</p> | | |
| <p>12. Struktur keanggotaan <i>Technical Advisory Committee (TAC)</i> termasuk surat lantikan dan surat setuju terima lantikan</p> | | |
| <p><i>Catatan: Kegagalan PLK/PB mengemukakan dokumen di atas boleh menyebabkan permohonan ditolak.</i></p> | | |
| RINGKASAN SENARAI SEMAK | | |
| Bil. | Jenis Permohonan | Dokumen yang perlu disertakan ke JPK |
| 1. | Pentauliahan Program Baharu | Semua |
| 2. | Pentauliahan Penambahan Program | 1,2,7,8,9,10,11 |
| 3. | Pembaharuan Pentauliahan Program | 1,5,9 |
| 4. | Pentauliahan Perubahan Program SKPK Jumud atau Dikajisemula | 1,2,5,7,8,9,10 dan11 |
| 5. | Penambahan Premis Latihan | 1,8 dan11 |
| 6. | Pindah Premis Pusat Bertauliah | 1,8,9,11 |

Jadual 3: Bayaran Fi Dan Caj Bagi Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Di Peringkat Antarabangsa

| Bil | Perkara | Kos Bayaran |
|------------|--|--------------------|
| 1. | Yuran Pendaftaran Dan Pengeluaran Sijil Untuk Pelatih Antarabangsa | RM200.00 |
| 2. | Permohonan Penubuhan Pusat Bertauliah Dan Pentauliahan Program | USD2,000.00 |
| 3. | Pembaharuan Program Pentauliahan | USD2,000.00 |
| 4. | Verifikasi Luaran Bagi Tujuan Penilaian Dan Persijilan Pelatih | USD2,000.00 |
| 5. | Pendaftaran Dan Pengeluaran Sijil | RM200.00 |

SURAT AKUJANJI PB TEMPATAN DAN PB-LUAR NEGARA

SayaNo. Kad Pengenalan.....
 (Nama PPB- PB Tempatan)

bagi pihak Pusat Bertauliah.....

dan

SayaNo. Kad Pengenalan.....
 (Nama PPB- PB Luar Negara)

bagi pihak Pusat Bertauliah.....

dengan ini mengaku bahawa:-

- a. Semua keterangan yang diberikan dalam permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar;
- b. Pihak Pusat Bertauliah tempatan akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala urusan yang berkaitan dengan pusat bertauliah luar negara termasuk apa jua urusan yang mempunyai implikasi undang-undang;
- c. Pihak Pusat Bertauliah tempatan akan patuh kepada mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam panduan pentauliah dan pelaksanaan latihan kemahiran di bawah SPKM yang sedang berkuatkuasa;
- d. Sebarang tuntutan atau tindakan mahkamah ke atas Kerajaan yang disebabkan oleh kecuaiian PB-LN akan ditanggung sepenuhnya oleh PB tempatan; dan
- e. Pihak Pusat Bertauliah tidak akan menuntut bayaran fi permohonan yang telah dikemukakan kepada JPK.

Tarikh:.....

.....
 (Tandatangan)

Nama:.....
 (PB Tempatan)

Jawatan:.....

Cop rasmi

Tarikh:.....

.....
 (Tandatangan)

Nama:.....
 (PLK-LN)

Jawatan:.....

Cop rasmi



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA**

**NOTIS PERTUKARAN PEMILIKAN DAN PENAMATAN PENTAULIAHAN PUSAT
BERTAULIAH**

Alamat PB :

| |
|--|
| |
|--|

Adalah dimaklumkan saya ingin melakukan:

- a. Pertukaran pemilikan PB
- b. Penamatan pentauliahan PB
- c. Penamatan pentauliahan program

| |
|--|
| |
| |
| |

Bersama-sama ini disertai **surat dan sijil akuan pentauliahan** yang bernombor rujukan

| |
|--|
| |
|--|

sebagaimana dinyatakan dalam subseksyen 26(3) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan [Akta 652] iaitu:

“atas penamatan untuk menyediakan latihan kemahiran bagi program yang ditauliahkan, penyedia latihan kemahiran itu hendaklah menyerahkan sijil pentauliahan kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga bulan dari tarikh penamatan itu“

Dan pihak saya akan memastikan urusan persijilan pelatih sedia ada diselesaikan.

Tandatangan :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Catatan: Kegagalan mengemukakan dokumen di atas boleh menyebabkan permohonan ditolak.